

Meritokrasi:

Umno

mulakan sesi

penerangan

BH 12 AGG 2001

JELI: Umno sudah memulakan sesi penerangan ke seluruh negara mengenai dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dijangka dilaksanakan tahun depan.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata majlis penerangan yang bermula di Terengganu kelmarin dan Pahang, semalam, bertujuan memberi penjelasan secara tersusun dan berkesan.

“Di peringkat permulaan, tumpuan diberi kepada ahli dan penyokong Umno di setiap cawangan dan bahagian.

“Selepas itu, kita akan memberi taklimat sama kepada kakitangan pelbagai jabatan kerajaan termasuk pendidik,” katanya selepas merasmikan program kebubapaan pelajar Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Parlimen Jeli di Darul Falah dekat sini, semalam.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, majlis penerangan dan penjelasan itu perlu diadakan berikutan ada pihak tertentu cuba mempolitikkan isu berkenaan sejak kebelakangan ini.

Katanya, pelbagai tohmahan dilemparkan terhadap kerajaan, termasuk kononnya pelaksanaan dasar itu akan meminggirkan pelajar Melayu.

“Dasar meritokrasi diperkenalkan untuk memberi dorongan dan kesedaran kepada pelajar Melayu supaya belajar bersungguh-sungguh seperti dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini,” katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir berkata, dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA akan dilaksanakan secara berperingkat serta tidak akan menjejaskan sistem kuota sedia ada.

Beliau berkata, ia dibuat mengikut jurusan dan keperluan, awal-awalnya tahun depan.